



Impian negara bebas rasuah

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini dilihat sebagai langkah kesinambungan kepada inisiatif dan komitmen kerajaan memerangi dan membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan secara berterusan dan habis-habisan. Pelan ini akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) berkaitan rasuah dalam usaha kerajaan menetapkan matlamat jelas untuk mencapai visi nasional sebagai negara bebas rasuah dan mempunyai nilai integriti tinggi.

Menurut Perdana Menteri, pelan ini menjelaskan bahawa rakyat Malaysia tidak akan menerima amalan rasuah kerana ia satu amalan keji dan menjijikkan serta menjadi satu pernyataan yang tegas daripada kerajaan sekarang, iaitu pesalah yang lalu telah dan sedang kita kejar dan akan kita hukum manakala perasuah sekarang dan masa depan akan berdepan tindakan lebih tegas.

Secara umumnya pelan ini memberi tumpuan kepada enam bidang utama iaitu perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, tadbir urus korporat, tadbir urus korporat, pentadbiran sektor awam serta perundangan dan kehakiman. Enam strategi digariskan untuk enam bidang keutamaan itu termasuk mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik, memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman. Di samping itu terdapat 115 inisiatif yang sudah dirancang bagi menjadikan negara ini bebas daripada gejala rasuah.

Atas kertas pelan ini kelihatan sangat komprehensif dan ideal untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam tempoh lima tahun akan datang namun cabaran utama ialah dari aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan. Hakikatnya sudah ada pelbagai pelan, inisiatif dan program yang dilaksanakan selama ini bagi memberi kesedaran kepada rakyat agar tidak terjebak dalam gejala negatif ini namun kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan masih berleluasa malah tidak keterlaluan untuk dikatakan terus meningkat dari semasa ke semasa dalam semua bidang dan sektor. Malah, tindakan tegas dari aspek penguatkuasaan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) dan agensi lain juga masih belum cukup untuk memerangi rasuah habis-habisan.

Jadi bukan mudah untuk mencapai impian negara bebas rasuah atau membina Malaysia bersih, ia memerlukan komitmen, iltizam dan kerjasama setiap individu rakyat Malaysia. Setiap seorang daripada kita perlu memainkan peranan tak kira kecil atau besar demi memerangi rasuah habis-habisan. Seperti kata Perdana Menteri ia perlu bermula daripada Perdana Menteri hingga ke guru tadika. Setiap kelompok masyarakat perlu memasang iltizam untuk katakan tidak kepada rasuah. Berdasarkan analisis antara punca rasuah di negara ini ialah, kelemahan pentadbiran, konflik kepentingan serta kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan. Manakala antara sektor yang paling cenderung kepada rasuah ialah, sektor perolehan, penguatkuasaan dan pentadbiran.

Rasuah pada hari ini dilihat semakin menjadi trend dalam kalangan anggota masyarakat. Baik penerima mahupun pemberi kelihatan sudah tidak ada lagi perasaan malu, segan ataupun takut untuk melakukan perbuatan terkutuk tersebut. Jadi kita perlu utamakan inisiatif untuk mengubah mentaliti, gaya hidup, tabiat, sikap dan tingkah laku masyarakat kita. Ciri-ciri ini kebanyakannya sudah sebat

dalam diri kita dan mungkin sejak kecil lagi. Maka usaha untuk menanam rasa benci kepada rasuah perlu dimulakan sejak dari kecil lagi. Ibu bapa terutama perlu memastikan anak-anak memahami apa itu rasuah dan kesan buruknya. Tanam rasa benci ini sejak kecil supaya mereka boleh amalkan dan budayakan nilai hidup yang berintegriti hingga ke akhir hayat mereka. Perkara sama juga perlu berlaku secara konsisten di peringkat sekolah. Elemen benci kepada rasuah perlu diterapkan guru kepada setiap anak murid. Buat kempen dan program secara berterusan supaya anak-anak faham dan jelas mengenai rasuah.

Kita sebagai individu juga perlu berusaha mengubah sikap, tingkah laku dan gaya hidup kita. Janganlah kerana mahu hidup mewah kita sanggup gadaikan maruah diri dan integriti. Jangan mudah gelap mata dengan ganjaran yang ditawarkan. Ingat kuasa dan kedudukan yang ada pada kita itu satu amanah dan tanggungjawab. Sedarlah harta boleh dijual beli tetapi maruah dan integriti khazanah diri yang tiada tolok bandingan. Jadi beranilah katakan tidak kepada rasuah.

Begitu juga harapan kita kepada anggota masyarakat agar dapat bertindak dengan lebih agresif dan proaktif dalam membantu pihak berkuasa memerangi apa jua bentuk rasuah, salah guna kuasa

mahupun penyelewengan yang berlaku di sekeliling kita. Tidak salah dalam soal seperti ini kita menjaga tepi kain orang. Gunakan segala saluran yang ada untuk melaporkan dengan segera jika berlaku perkara tersebut di depan mata kita. Tindakan dan sikap kita yang buat tidak tahu, acuh tak acuh dan tidak peduli dengan apa yang berlaku akan mengeruhkan lagi keadaan, akan menggalak lagi pelaku untuk bermaharajalela dan sedarlah ia satu perbuatan yang boleh disifatkan sebagai bersekongkol atau bersubahat dengan pelaku tersebut.

Dalam pada itu jika kita tidak mahu orang minta atau terima rasuah, kita juga perlu berani dan nekad untuk tidak memberi rasuah atau suapan. Tindakan anggota masyarakat yang suka memberi pelbagai suapan termasuk dalam bentuk barangan, hadiah dan pakej percutian bukan saja menggalakkan lagi jenayah rasuah tetapi akan meruntuhkan sama sekali nilai peradaban dan tatasusila masyarakat dan negara. Umpama apabila tiada penawaran, maka tidak akan ada permintaan, jadi janganlah kita tawarkan apa-apa untuk memperoleh sesuatu keuntungan.

Pada masa sama aspek penguatkuasaan juga wajar terus diperkasakan. Dengan adanya agensi baru seperti Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC) di samping SPRM,

kita harap aspek pencegahan dan hukuman kepada pemberi dan penerima rasuah dapat terus dimantapkan dari semasa ke semasa. Agensi terbabit perlu diberi kuasa sepenuhnya untuk bertindak dengan berani, bebas dan adil. Semua agensi yang terbabit juga perlu bekerja sebagai satu pasukan yang kuat agar dapat melaksanakan semua inisiatif yang digariskan supaya dapat mencapai objektif dan strategi yang ditetapkan. Kita tidak mahu perancangan tinggal perancangan semata-mata tanpa pemantauan dan pelaksanaan yang sewajarnya. Ini termasuk menggunakan teknologi terkini bagi mencari mekanisme terbaik bagi membanteras rasuah.

Secara keseluruhannya pelan ini dilihat cukup komprehensif merangkumi setiap komponen masyarakat termasuk sektor korporat, awam dan juga ahli politik, jadi inilah masanya untuk kita menggembleng tenaga bagi membanteras gejala rasuah secara besar-besaran. Walaupun impian menjadi negara bebas rasuah kelihatan sukar dan menghadapi banyak cabaran serta rintangan, namun yakinlah ianya tidak mustahil untuk dicapai. Semoga pelan ini merintis jalan ke arah merealisasikan impian tersebut.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

